

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

14. Apakah status Penang Free WiFi?

- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengaktifkan semula?
- (b) Jumlah perbelanjaan sepanjang pengenalannya?
- (c) Terdapatkah mana-mana pihak melanggar syarat perjanjian dan melibatkan pampasan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Penang Free Wifi (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan 1,560 Access Points (APs) di 40 KADUN Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini pada 13 Februari 2019 kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap bandwith dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.

Bagi meneruskan usaha menyediakan perkhidmatan *wifi* percuma di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. telah mengiklankan tender *Request for Proposal* (RFP) secara terbuka sebanyak dua (2) kali, namun pembida-pembida gagal untuk menepati kriteria-kriteria utama yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memasukkan elemen *wifi*

percuma sebagai satu komponen dalam projek-projek Kerajaan Negeri seperti projek *Smart Bus Stop*, projek *Smart Street Pole* dan lain-lain.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan *wifi* percuma di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan perkhidmatan ini akan ditumpukan di kawasan awam seperti pejabat kerajaan, sekolah, pasar awam dan lain-lain. Kerajaan Negeri percaya perkhidmatan *wifi* percuma perlu disediakan di kawasan-kawasan yang berimpak tinggi terutama sekali dalam meningkatkan usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan masyarakat.

- (b) Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk projek *Penang Free Wifi* sejak dilancarkan pada tahun 2009 adalah sebanyak RM11.6 juta.
- (c) Penamatan perkhidmatan *Penang Free Wifi* (PFW) tidak melibatkan sebarang pelanggaran syarat ataupun pampasan. Kerajaan Negeri mengumumkan keputusan untuk tidak menyambung tempoh kontrak pada 13 Februari 2019 setelah kontrak perjanjian asal perkhidmatan PFW tamat tempoh. Keputusan penamatan perkhidmatan PFW ini juga dibuat setelah mengambil kira satu kaji selidik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 mengenai kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan tersebut. Kajian mendapati majoriti pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah disediakan.